



MAJLIS ANUGERAH KECEMERANGAN UNIVERSITI (AKU)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
TAHUN 2017

GARIS PANDUAN ANUGERAH TOKOH KEPIMPINAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 Pengenalan

Pemimpin merupakan nadi, *key player* dan agen perubahan dalam sebuah organisasi. Individu ini memainkan peranan penting dalam merancang, mengurus, menambahbaik, melestari serta menentukan pencapaian matlamat dan wawasan organisasi yang akhirnya membawa kepada kecemerlangan Universiti.

Anugerah Tokoh Kepimpinan ini merupakan anugerah yang baru diperkenalkan pada tahun 2014 dalam Majlis Anugerah Inovasi UMS. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang dan sumbangan kakitangan yang diakui mencapai tahap terbilang dalam kepakaran masing-masing serta memperkenalkan ciri-ciri seorang pemimpin.

Anugerah Tokoh Kepimpinan merangkumi empat (4) kategori iaitu:

- i) Tokoh Kepimpinan Kakitangan Akademik - Tokoh Pengajar;
- ii) Tokoh Kepimpinan Kakitangan Akademik - Tokoh Pengurusan;
- iii) Tokoh Kepimpinan Kakitangan Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan dan Profesional);
dan
- iv) Tokoh Kepimpinan Kakitangan Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana).

2.0 Objektif

- i) Memberi pengiktirafan serta penghargaan terhadap kejayaan serta sumbangan individu yang mempunyai gaya dan hasil kepimpinan sepanjang perkhidmatan dalam bidang masing-masing;
- ii) Mengiktiraf peranan individu yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang pembangunan kerjaya yang telah disediakan oleh Universiti;
- iii) Menggalakkan warga UMS memupuk semangat kepimpinan dalam individu dan kumpulan semasa menjalankan aktiviti; dan
- iv) Individu yang dipilih dijadikan *role model* dan sebagai pakar rujuk (*knowledge worker*) kepada staf lain.

3.0 Syarat-syarat Penyertaan

- i) Anugerah ini terbuka kepada warga UMS, secara individu yang telah menjalankan kegiatan bermutu tinggi dan memamerkan sifat kepimpinan.
- ii) Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja sepanjang tempoh lima (5) tahun.
- iii) Borang pencalonan yang lengkap hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan Anugerah Tokoh Kepimpinan sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan.
- iv) Pencalonan terbuka kepada semua kakitangan UMS atau kakitangan yang telah bersara.

4.0 Kriteria Penilaian

4.1 Kriteria Asas:

- i) Mencapai markah LNPT 90% dan ke atas setiap tahun bagi tempoh tiga (3) tahun terkini;
- ii) Bebas daripada Tindakan Tatatertib;
- iii) Bebas daripada Keberhutangan Serius; dan
- iv) Bebas daripada sebarang siasatan oleh pihak berkuasa samada di dalam atau luar Universiti.

4.2 Kriteria Khusus:

a) Tokoh Kepimpinan Kakitangan Akademik

TOKOH KEPIMPINAN KAKITANGAN AKADEMIK			
TOKOH PENGAJAR		TOKOH PENGURUSAN	
KRITERIA	WAJARAN (100%)	KRITERIA	WAJARAN (100%)
Pengajaran dan Penyeliaan	70	Pengetahuan dan Kemahiran dalam bidang kerja	30
Penyelidikan	10	Pencapaian selaku pemimpin/ketua sesuatu pasukan dalam menghasilkan inovasi/pembaharuan yang memberi manfaat kepada Universiti	20
Persidangan	5	Khidmat Kepada Universiti & Masyarakat	20
Sanjungan	5	Kualiti Peribadi	20
Khidmat Kepada Universiti & Masyarakat	5	Keanggotaan dalam mana-mana persatuan dalam dan luar UMS	5
Kualiti Peribadi	5	Pengiktirafan dari dalam dan luar UMS	5

i) Tokoh Pengajar:

Calon hendaklah mempunyai ciri-ciri pengajaran yang berkualiti. Pengajar ini telah menunjukkan perancangan dan penyampaian yang baik, penyampaiannya menimbulkan minat dan menggalakkan pelajar untuk belajar, interaksi antara tenaga pengajar dan pelajar adalah dinamik, mesra dan positif. Pengajaran disampaikan mengikut rangka masa yang ditetapkan, beberapa alat bantuan digunakan dalam proses pengajarannya dan mempraktikkan pelbagai cara untuk menilai prestasi pelajarnya serta teknik dan keunikan (inovasi) yang digunakan dalam sesi pengajaran. Jumlah pelajar seliaan dan pelajar yang telah digraduatkan sepanjang perkhidmatan turut diambil kira.

ii) Tokoh Pengurusan:

Merupakan pemimpin dalam sesebuah Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Bahagian dan mempunyai ciri-ciri *towering personality*.

b) Tokoh Kepimpinan Kakitangan Pentadbiran

TOKOH KEPIMPINAN KAKITANGAN PENTADBIRAN		
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA		
BIL	KRITERIA	WAJARAN (100%)
1	Pengetahuan dan Kemahiran dalam bidang kerja	30
2	Pencapaian selaku pemimpin/ ketua sesuatu pasukan dalam menghasilkan inovasi/ pembaharuan yang memberi manfaat kepada Universiti	20
3	Khidmat Kepada Universiti & Masyarakat	20
4	Kualiti Peribadi	20
5	Keanggotaan dalam mana-mana persatuan dalam dan luar UMS	5
6	Pengiktirafan dari dalam dan luar UMS	5

Calon hendaklah mempunyai ciri-ciri *Towering Personality seperti berikut:*

- i) Mempunyai cita-cita, semangat dan wawasan yang jelas serta sentiasa berusaha ke arah mencapai kejayaan cemerlang;
- ii) Mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi di mana mampu memujuk, mengarah atau menggerakkan pasukan;
- iii) Pengetahuan, kebijaksanaan dan kemahiran yang tinggi;
- iv) Mempunyai daya tahan, daya saing yang tinggi dan berdikari serta mempunyai ciri-ciri kemandirian dan kemahiran pengurusan yang tinggi;
- v) Mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal;
- vi) Mempunyai pemikiran yang rasional, terbuka, berpandangan jauh, berketrampilan dan yakin;
- vii) Kejelitian (*Sense of Belonging*) kepada organisasi; dan
- viii) Beretika dan berakhhlak mulia.

5.0 Kaedah Pencalonan:

- i) Pengurusan Tertinggi
- ii) Ketua Jabatan
- iii) Rakan Sekerja
- iv) Diri Sendiri

6.0 Kategori & Nilai Hadiah [Bagi setiap kategori]

- i) Hadiah wang tunai berjumlah RM1,000
- ii) Sijil Penghargaan

7.0 Pemilihan Calon:

Pemilihan calon akan ditentukan oleh Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Tokoh Kepimpinan Universiti Malaysia Sabah tahun 2017. Sebarang keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.